



SIARAN MEDIA

PROGRAM KARISMA TEMAN 1AZAM KPWKM BERJUMLAH RM2.63 JUTA BERI MANFAAT KEPADA 526 OKU

TETAMU KEHORMAT : Y.B. SENATOR DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

TARIKH : 3 JANUARI 2012 (SELASA)

TEMPAT : DEWAN PERDANA NUR, ARAS B1,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT, PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 3 JANUARI 2012 – YB Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah menyerahkan barangan permulaan perniagaan (*start-up kit*) berjumlah **RM2.63 juta kepada 526 Orang Kurang Upaya (OKU)** pada Program **KARISMA Teman 1AZAM (Akhiri Zaman Miskin) OKU** pada majlis yang diadakan di Dewan Perdana Nur KPWKM, Putrajaya.

Teman 1AZAM KPWKM merupakan peserta kepada Program AZAM Niaga dan AZAM Khidmat di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara bagi meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah (NKRA LIH) yang berteraskan konsep *social enterprise (keusahawanan sosial)* dan pendekatan kebajikan produktif (*productive welfare*). *Social enterprise* merupakan satu pendekatan yang mengoptimumkan potensi individu berdasarkan bidang kemahiran mereka agar tidak terus bergantung kepada bantuan Kerajaan.

Bantuan yang diberi diharap membolehkan kumpulan sasar yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan OKU menceburi *social enterprise* dalam usaha memperbaiki taraf kehidupan mereka. Peserta-peserta ini seterusnya layak dipertimbangkan untuk memohon pinjaman kewangan melalui skim pinjaman mikro daripada Amanah Ikhtiar Malaysia yang juga merupakan rakan kongsi Kementerian di dalam Program AZAM Niaga dan AZAM Khidmat untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka.

Sehingga 31 Disember 2011, seramai 60,544 orang peserta telah menyertai program Teman 1AZAM di seluruh negara. Antara projek yang mendapat sambutan dalam kalangan peserta adalah projek jahitan, perniagaan kedai makanan, dan perniagaan kuih-muih.

Majlis Pelancaran tersebut telah dihadiri oleh 1,000 orang peserta, badan bukan kerajaan (NGO) dan pemimpin tempatan. Turut hadir sama pada majlis pelancaran tersebut ialah Y.B. Dato' Sri Tengku Adnan Tengku Mansor, Ahli Parlimen Putrajaya, Dato' Dr. Noorul Ainur Mohd Nur, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta pengerusi-pengerusi MPWK negeri Selangor dan Negeri Sembilan.

#####

Disediakan oleh : Unit DMO NKRA-LIH KPWKM
Aras 5, No.55 Persiaran Perdana, Presint 4,
Putrajaya
Telefon : 03 – 8323 1000
Tarikh : 3 Januari 2012

